



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

AHAD, 21 JANUARI 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

21/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	500 WANITA DARI LABUAN DAPAT MANFAAT SARINGAN KANSER SERVIKS PERCUMA	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/500-wanita-dari-labuan-dapat-manfaat-sarigan-kanser-serviks-percuma	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1052384/peningkatan-ujian-hpv-serlah-kesedaran-tinggi-cegah-kanser-serviks	HMETRO.COM.MY
	https://themalaysianreserve.com/2024/01/20/increase-in-hpv-dna-testing-reflects-growing-awareness-of-cervical-cancer-among-malaysian-women/	THEMALAYSIANRESERVE.COM
	https://thesun.my/local_news/increase-in-hpv-dna-testing-reflects-growing-awareness-of-cervical-cancer-among-malaysian-women-FD12007277	THESUN.MY
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2264123	BERNAMA.COM
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2264119	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	SETIAP KELUARGA TERJEJAS BENCANA RIBUT DI BINTULU MENERIMA BANTUAN RM1,000: TIONG	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/20/setiap-keluarga-terjejas-bencana-ribut-di-bintulu-menerima-bantuan-rm1000-tiong	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	DUA BERANAK HIDUP DALAM SAMPAH, NAJIS: OPAH SUDAH TERBELA, NASIB ERWAN JADI TANDA TANYA	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-beranak-hidup-dalam-sampah-najis-opah-sudah-terbela-nasib-erwan-jadi-tanda-tanya-454827?	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
4	SANTUNI MANGSA BANJIR	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1052255/santuni-mangsa-banjir	HMETRO.COM.MY



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

21/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	JUWAIRIYA KINI TIMBALAN PENERUS LPPKN, TUMPU SEBAR LUAS MANFAAT AGENSI	
	https://selangorkini.my/2024/01/juwairiya-kini-timbangan-pengerusi-lppkn-tumpu-sebar-luas-manfaat-agensi/	SELANGORKINI.MY
	https://selangorjournal.my/2024/01/lppkns-juwairiya-vows-to-promote-community-programmes-initiatives/	SELANGORJOURNAL.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	SEGERA RUMUS FORMULA ATASI PENINGKATAN KES AMANG SEKSUAL	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1202450/segera-rumus-formula-atasi-peningkatan-kes-amang-seksual	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	PERLUAS 'COMMUNITY FARMING' BANTU KANAK-KANAK KURANG NUTRISI - DR WAN AZIZAH	
	https://thesun.my/cerita/berita/perluas-community-farming-bantu-kanak-kanak-kurang-nutrisi-dr-wan-azizah-GD12007302	THESUN.MY
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/perluas-program-pertanian-komuniti-bantu-kanak-kanak-kurang-nutrisi	BERITA.RTM.GOV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	281 KANAK-KANAK TASKA, TABIKA KEMAS DIRAI	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/20/281-kanak-kanak-taska-tabika-kemas-dirai	UTUSANBORNEO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

21/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
9	LELAKI DIREMAN TIGA HARI RAKAM VIDEO TIDAK SOPAN KETIKA PERSEMBAHAN ARTIS WANITA	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/lelaki-direman-tiga-hari-rakam-video-tidak-sopan-ketika-persembahan-artis-wanita/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	BURUH DITAHAN ROGOL REMAJA 16 TAHUN, BAPA TIRI DISYAKI DALANG	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/01/20/buruh-ditahan-rogol-remaja-16-tahun-bapa-tiri-disyaki-dalang/	FREEMALYSIATODAY.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/645416/berita/semasa/pelajar-tingkatan-4-dirogol-buruh-bapa-tiri-jadi-dalang	SINARHARIAN.COM.MY



500 wanita dari Labuan dapat manfaat saringan kanser serviks percuma

Kategori: Nasional - Kemas kini: 20 Januari 2024 03:06 PM - Jumlah kunjungan: 139



Datuk Seri Nancy Shukri dan Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad pada Program Kembara KASIH; KPWKM Gempur Saringan HPV DNA 2024 peringkat wilayah persekutuan Labuan bertempat di Desa Tunas Hijau Labuan

LABUAN, 20 Januari- Bersempena dengan pelancaran kempen KASIH; KPWKM Gempur Saringan HPV DNA 2024 peringkat Labuan hari ini, seramai 500 wanita dari wilayah persekutuan itu akan mendapat manfaat saringan kanser serviks melalui ujian HPV DNA secara percuma.

Ia susulan pengumuman Perdana Menteri mengenai Program MADANI Rakyat Labuan bagi memastikan penduduk Labuan turut menerima manfaat daripada semua perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Kerajaan termasuk daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Seramai 57,000 wanita disasarkan mendapat manfaat pada tahun 2024, melalui kempen Kesedaran Kanser Reproktif Wanita (WCaRe) yang dianjurkan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Ia merangkumi Program Saringan Kanser Serviks dan Subsidi Ujian Mamogram.

Justeru, KPWKM bersama-sama LPPKN seluruh negara telah mengatur pelbagai aktiviti bagi mengimarahkan kempen itu. Antaranya termasuklah saringan ujian HPV DNA percuma kepada wanita layak di semua Klinik Nur Sejahtera LPPKN.

"Pergilah melawat ke klinik supaya boleh menjalani saringan ini, sama ada kanser serviks HPV DNA dan mamogram.

"Selain itu kita memang sentiasa membuat program pap smear, jadi ini semuanya sedang berjalan dan tertumpu kepada golongan wanita,"kata Datuk Seri Nancy Shukri.


Beliau ditemui pemberita selepas merasmikan Program Kembara KASIH; KPWKM Gempur Saringan HPV DNA 2024 peringkat wilayah persekutuan Labuan bertempat di Desa Tunas Hijau Labuan.

Hadir sama, Timbalan Menteri KPWKM Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad.

Tambah Datuk Seri Nancy, kesedaran menjalani saringan HPV DNA di Labuan masih rendah iaitu hanya tiga peratus berbanding 21,600 wanita berusia 30 hingga 65 tahun pada tahun lalu.

Program Saringan Kanser Serviks melalui Ujian HPV DNA adalah saringan bagi pengesanan awal kanser serviks yang dilaksanakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bermula tahun 2019.

Ujian HPV DNA merupakan kaedah baharu bagi pengesanan awal kanser serviks yang lebih berteknologi tinggi. Wanita akan dibekalkan dengan kit ujian dan mereka boleh mengambil sampel menggunakan kaedah pensampelan sendiri atau dengan bantuan Jururawat di klinik. Saringan ujian HPV DNA ini diberikan secara percuma kepada wanita yang layak, khususnya B40 dan M40.



Setiap keluarga terjejas bencana ribut di Bintulu menerima bantuan RM1,000: Tiong

© 2024-01-20T10:58:10+08:00



Tiong sejurus tiba di Iris Garden Apartment yang terjejas teruk akibat dilanda ribut kuat pada petang Jumaat.

BINTULU: Setiap keluarga yang terjejas akibat bencana ribut di bahagian ini pada petang Jumaat lalu akan menerima sumbangan sebanyak RM1,000, kata Menteri Pelancongan Seni dan Budaya Dato Sri Tiong King Sing.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bintulu berkata, setiap keluarga yang menerima bantuan itu nanti adalah mengikut rekod yang terdapat pada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi memudahkan urusan pemberian sumbangan.

"Bagi melancarkan urusan pengagihan bantuan, Pusat Khidmat Parlimen Bintulu akan mengendalikannya sekali gus melancarkan urusan pemberian sumbangan bagi meringkankan beban yang terpaksa ditanggung oleh semua mangsa terjejas," ujarnya.

Tiong berkata demikian sejurus mempengerusikan mesyuarat berhubung bencana yang melanda Bintulu bertempat di Pejabat Residen Bintulu, pada Jumaat.

Beliau berkata, melalui sumbangan yang diberikan itu akan membolehkan ia dimanfaatkan oleh setiap keluarga terjejas membeli keperluan mendesak khususnya yang rosak akibat dilanda ribut kuat itu.

Sejurus selesai mesyuarat, beliau kemudiannya meluangkan masa meninjau kerja-kerja pembersihan dan pembaikan bumbung di Iris Garden Apartment yang mengalami kerosakan.

Dalam masa sama beliau berkata insiden itu telah dipanjangkan kepada Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi untuk mendapatkan bantuan-bantuan yang diperlukan khususnya daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Dalam pada itu, Tiong menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada Timbalan Premier Sarawak yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) Datuk Amar Douglas Uggah Embas dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Sarawak Datu Buckland Bangik atas tindakan pantas mempercepatkan proses bantuan kepada semua mangsa yang terlibat.

"Saya amat menghargai respons pantas Menteri Ekonomi Rafizi Ramli yang amat memahami bahawa keadaan ini yang merupakan sesuatu yang tidak diduga dan telah menyegerakan kelulusan peruntukan bagi memulakan proses pembersihan dan pembaikan bumbung apartment tersebut dan perumahan lain yang terjejas agar semua mangsa dapat pulang ke rumah masing-masing secepat mungkin," jelasnya.



Dua beranak hidup dalam sampah, najis: Opah sudah terbelah, nasib Erwan jadi tanda tanya

Aga AZZ
Jenayah 26/03/2024 07:00 MYT



Harga emas Miriam Kadir sudah diambil dan dijaga oleh anak perempuannya, sementara nasib Erwan Dahar masih menjadi tanda tanya. - Gambar Astro AWANI

IPOH: Kisah derita dua beranak hidup dalam sampah dan najis yang menyentuh hati jutaan rakyat Malaysia baru-baru ini dilihat sudah menemui titik noktah.

Dilahirkan Miriam Kadir, 77, sudah diambil dan dijaga oleh salah seorang anak perempuannya yang menetap di Ipoh, selain rumah di Flat Taman Silban dibersihkan oleh Majlis Bandaraya Ipoh (MBI).

Apa pun, menurut Pengerusi Pertubuhan Puteri Kebajikan Negeri Perak, Wan Noorashikin Noran, nasib anak lelaki warga emas itu, Erwan Dahar, 46, masih menjadi tanda tanya sehingga sekarang. Katanya, keadaan lelaki itu yang tidak sihat mentalnya dan sering dilanda tekanan perasaan perlu ditempatkan di tempat yang sepatutnya dan bukan dibiarkan tanpa pemantauan.

"Opah (Miriam) sudah dijaga oleh anak perempuannya, sebelum ini kekangan disebabkan faktor tidak mampu.

"Alhamdulillah bila ada bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dipanggil anaknya bell lampin pakai buang dan makanan dan persekitaran lebih sihat," katanya.



Bagaimana dengan nasib Erwan Dahar?

Wan Noorashikin berkata, rumah yang dihuni lelaki itu sudah tidak relevan untuk diduduki dan ditibangi situasi sama berulangnya, susulan dia kini tinggal seorang diri dengan ditemani kucing-kucingnya.

Tegusnya lagi, pihak yang berkenaan perlu mencari alternatif untuk membawa lelaki itu ke pusat jagaan yang sewajarnya di samping menerima rawatan bagi penyakit yang dihidap.

Jelasnya, dia dan wakil pertubuhan ada mencari rumah sewa baharu untuk Erwan, namun katanya pihaknya tidak mampu untuk menampung bayaran bulanan, selain hakikat ramai yang enggan sewakan rumah kepada lelaki itu.

"Banyak kekangan sebenarnya, salah satunya ramai yang enggan sewakan rumah bila tahu keadaan Erwan begitu sebab sudah tua.

"Selain itu, kami hanya boleh bantu carikan rumah atau bilik sewa, tetapi untuk bayaran bulanan tiada siapa yang sanggup untuk bantu.

"Sebolehnya kami harap pihak yang berkenaan atau kerajaan negeri boleh bantu untuk bayar sewa jika ada rumah atau bilik untuk tempatkan dia.

"Memandangkan kita tahu Erwan tidak berapa sihat mentalnya, dia memang tegas hendak duduk di situ sebab sangat sayangkan kucing-kucing yang sudah jadi peneman setia sejak dulu.

"Kalau ditempatkan di rumah lain sudah pasti kucing itu tidak boleh dibawa dan Erwan sangat sedih bila mengemangkan perkara itu.

"Tetapi saya ada pujuk cakap dia boleh datang hari-hari dan beri makan kucing di situ," katanya kepada Astro AWANI.



Keadaan rumah Miriam Kadir dan anaknya, Erwan Dahar yang sudah dibersihkan.

Dalam pada itu, Wan Noorashikin berulangkali menegaskan walaupun sampah sarap sudah dibuang, tetapi takungan najis di dalam bilik air dan saluran yang tersumbat membuatkan rumah itu ibarat seperti tempat kumbahan.

"Sepanjang saya laksana aktiviti kerja kebajikan, ini kes paling teruk jika dilihat situasi dalam rumah itu.

"Dia (Erwan) masih di situ, keadaan terbaharu rumah sudah tiada sampah tetapi baunya sangat busuk dan saya pun tak pasti bagaimana dia boleh tinggal di situ, jelas nampak najis bertakung di tandas dan bekalan air pun tiada.

"Harapan saya supaya dia dapat kehidupan lebih baik, tetapi saya perlukan bantuan orang yang ada kuasa untuk buat keputusan.

"Saya tiada kuasa untuk tempatkan dia ke tempat terbaik (pusat jagaan, rawatan mental), pihak yang berkuasa patut buat dan pujuk dia," katanya lagi.

Dalam perkembangan berasingan, wanita yang giat aktif membantu masyarakat sejak dahulu itu berkata, dia dihubungi Persatuan Amal Chin Seng Kok dari Cameron Highlands pada Jumaat.


"Wakil persatuan itu terkejut melihat keadaan dalam rumah walaupun sudah dibersihkan. Ramai yang aku ia sudah tidak boleh dihidap.

"Mereka ada berikan saya wang deposit untuk carikan Erwan rumah sewa, tetapi untuk bulanan saya pun tidak pasti bagaimana sebab masih menjadi tanda tanya," katanya.

Sebarano maklumat lanjut berhubung nasib dua beranak ini boleh hubungi Wan Noorashikin di talian 012-509 2557.



Wan Noorashikin Noran



Santuni mangsa banjir

Syahrerah Mustafa
am@hmetro.com.my



Pasir Mas: Sebanyak 150 keluarga di Kelantan menerima bantuan banjir (Kotak Rezeki) menerusi Program Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) bersama Nestlé di Masjid At Taqwa, Kampung Kubang Pak Hitam di sini.

Pengarah Eksekutif, Perundangan dan Kesetiausahaan Nestlé Malaysia, Tengku Ida Adura Tengku Ismail berkata, menjadi tanggungjawab syarikat itu untuk bersama-sama menghulurkan bantuan kepada komuniti memerlukan.

"Kami berharap sumbangan kecil kami meringankan beban masyarakat susulan krisis banjir di Kelantan dan kami amat berbesar hati kerana diberi peluang bekerjasama dengan Harian Metro dalam program TKHM bagi tahun 2024.

"Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua sukarelawan Harian Metro, Nestlé Cares dan JKM Pasir Mas yang hadir membantu mengedarkan bantuan Kotak Rezeki kepada mangsa banjir di sini," katanya.

Bellau berkata, bergerak seiring, pihaknya berharap untuk terus-menerus membantu dan memupuk semangat kebersamaan dalam kalangan komuniti yang terjejas banjir.

Hadir pada program berkenaan Pengarah Kumpulan Harian Metro merangkap Pengerusi Projek Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) Husain Jahit, Pengarah Eksekutif (Kandungan) Harian Metro Muhamad Safar Ahmad dan Pengarah Berita Kanan Harian Metro merangkap Pengarah Projek Titipan Kasih Harian Metro Noor Azam Abd Aziz.

Manakala Nestlé diwakili Pegawai Eksekutif Perniagaan MAGGI, Ivy Tan dan Ketua Komunikasi Korporat Shaheen Zaffar serta sukarelawan Nestlé Cares.

Turut hadir, wakil Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Kelantan Azman Mat Zain; Ketua Bahagian Logistik, IPD Pasir Mas, ASP Ahmad Fadzli Ismail dan Penghulu Mukim Bakong Mohamad Kamaruddin Che Ngah.



Pengarah Kumpulan Harian Metro, Husain Jahit (terpencil kanan) dan Pengarah Eksekutif, Perundangan dan Kesetiausahaan Nestlé Malaysia, Tengku Ida Adura Tengku Ismail (tiga kiri) menghulurkan bantuan banjir (kotak rezeki) kepada sebahagian 150 keluarga penerima sempena Program Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) bersama Nestlé yang diadakan di Masjid At Taqwa, Kampung Kubang Pak Hitam, di sini. FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR

Sementara itu, Husain berkata program berkenaan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) Harian Metro bersama rakan niaga membantu meringankan beban mangsa banjir di negeri itu.

Katanya, program TKHM memberi peluang pihaknya menyantuni mangsa banjir yang menghadapi pelbagai kesukaran akibat banjir.

"Kami mengagihkan Kotak Rezeki mengandungi pelbagai makanan yang diharapkan dapat meringankan beban mangsa banjir di sini.

"Bagi menjayakan program TKHM, pihak kami turut bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pasir Mas dan jawatankuasa penduduk membantu mengumpulkan senarai penerima," katanya.

Husain berkata, pihaknya turut menyantuni tujuh keluarga terkesan teruk akibat banjir di Kampung Bendang Perol, Gual To'Deh di Rantau Panjang.

"Sebagai media yang dekat dengan masyarakat, komitmen kami terhadap program CSR ini tidak akan berhenti dan diteruskan selagi mana Harian Metro berdiri kukuh di pasaran," katanya.

Program TKHM diwujudkan sejak 2007 mendapat sokongan pelbagai pihak, termasuk agensi kementerian, badan bukan kerajaan (NGO) dan rakan korporat untuk membantu meringankan beban sara hidup golongan sasaran.

Disiarkan pada: Januari 20, 2024 @ 7:05am



Juwairiya kini timbalan pengerusi LPPKN, tumpu sebar luas manfaat agensi

by Sheeda Fathil © January 20, 2024 3:35 pm

SHAH ALAM, 20 JAN: Pelbagai program kemasyarakatan bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) akan disebar luas bagi manfaat ramai, kata timbalan pengerusinya.

Baharu menggalas jawatan itu, Juwairiya Zulkifli komited memastikan kemudahan yang disediakan agensi berkenaan sampai kepada golongan sasar untuk membentuk keluarga yang sejahtera.

Mantan Ahli Dewan Negeri Bukit Melawati itu bersama pasukannya juga akan lebih kerap turun padang untuk menguar-uarkan kepada masyarakat berhubung inisiatif yang dilaksanakan.


"Adakalanya terdapat segelintir masyarakat tidak tahu wujudnya klinik subfertiliti bawah LPPKN bagi membantu pasangan berusaha mendapatkan cahaya mata dengan kadar murah berbanding swasta .

"Kita juga ada pusat keluarga Klinik Nur Sejahtera dan perkhidmatan Mama Care iaitu penjagaan wanita selepas bersalin. Ini antara yang akan disebarluaskan supaya lebih ramai tahu," katanya.

Juwairiya menambah LPPKN juga akan membuat laporan pada setiap 10 tahun, yang akan dibentang November tahun ini berhubung kadar pertumbuhan rakyat Malaysia.

Beliau menjelaskan laporan berkenaan penting sebagai rujukan semua pihak termasuk agensi dan kementerian berkaitan dalam membentuk dasar tertentu pada masa depan.

"Setiap 10 tahun agensi ini memang akan mengeluarkan laporan yang menumpukan keibubapaan dan kekeluargaan, kebetulan tahun ini sudah tiba masa kita keluarkan laporan baharu," katanya.



Segera rumus formula atasi peningkatan kes amang seksual

Januari 20, 2024 @ 9:23am



Sama ada disedari atau tidak, sejak Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak (Pindaan) 2023 (Akta 792) diluluskan Dewan Rakyat pada 29 Mac 2023, kes membabitkan amang seksual dalam negara boleh dikatakan meningkat.

Pertambahan kes amang seksual di seluruh negara dilihat agak membimbangkan kerana boleh dikatakan setiap bulan pasti ada aduan jenayah terhadap golongan kanak-kanak.

Berdasarkan kes yang dilaporkan, disiasat polis dan dibicarakan di mahkamah, antara pelaku atau suspek kes membabitkan pelbagai golongan termasuk penjawat awam, polis, guru, pendidik tahfiz dan golongan agamawan atau pendakwah selebriti.

Timbul persoalan adalah peningkatan kes amang seksual disebabkan pelaksanaan Akta 792 atau pelakunya mengalami masalah kesihatan sama ada gangguan psikiatri atau kesihatan mental?

Jika meneliti kes disiasat ada didakwa, suspek dilihat bijak memanipulasi mangsa untuk melakukan sebarang bentuk aktiviti seksual seperti memegang, meraba, mencium atau mendorong untuk melakukan seks tanpa kerelaan.

Kebanyakan mangsa pula adalah pelajar sekolah rendah, menengah, penuntut tahfiz, bahkan ada juga individu menjadi mangsa amang seksual dalam kalangan penuntut institut pengajian tinggi.



Foto hiasan. - Freepik

Ini bermakna, hampir kebanyakan mangsa amang seksual adalah mereka yang ada hubungan atau sekurang-kurangnya mengenali suspek seperti antara guru dengan murid di sekolah.

Perkembangan peningkatan kes amang seksual ini menimbulkan tanda tanya apakah masalah sebenar melanda sebahagian kecil rakyat negara ini sehingga tergamak terjebak dalam kes jenayah seksual ini?

Adakah masalah ini sudah lama berakar umbi dalam masyarakat sehingga boleh dikatakan ada saja laporan atau kes amang seksual sejak kebelakangan ini. Walau apa pun implikasinya, kerajaan perlu memandang serius gejala negatif ini.

Kerajaan menerusi Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pendidikan, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) patut mengambil tindakan segera bagi membendung serta mengawal jenayah ini daripada terus berleluasa.

Masalah jenayah ini perlu ada tindakan berkesan dan bersepadu untuk diatasi kerana membabitkan kesalahan jenayah, menggugat kesejahteraan sosial, mampu meruntuhkan institusi masyarakat selain merosakkan imej agama Islam.

Kementerian terbabit patut duduk semeja bagi mencari rumus dan formula jangka pendek serta panjang untuk menyelamatkan rakyat terutama generasi muda, pelajar sama ada lelaki apatah lagi wanita daripada menjadi mangsa amang seksual.

Belum terlambat untuk kita menyelamatkan dan melindungi generasi muda serta warganegara daripada menjadi mangsa kepada kejahatan manusia bertopengkan syaitan ini. Malaysia MADANI perlu bersih daripada ancaman amang seksual ini.



Perluas 'community farming' bantu kanak-kanak kurang nutrisi - Dr Wan Azizah

20-01-2024 02:31 PM



Isteri Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail. - fotoBERNAMA

KUALA LUMPUR: Program pertanian komuniti perlu diperluas terhadap masyarakat setempat di kawasan bandar bagi membantu mengatasi masalah kurang nutrisi dalam kalangan kanak-kanak yang tinggal di kawasan berkenaan.

Isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata langkah itu perlu memandangkan peratusan kanak-kanak yang mengalami masalah tumbesaran atau istilahnya bantut di negara ini, termasuk di kawasan bandar akibat masalah kekurangan nutrisi agak tinggi.

"Oleh itu, saya ada mencadangkan kepada Setiausaha Politik Perdana Menteri Datuk Azman Abidin untuk mewujudkan community farming (pertanian komuniti di kawasan Parlimen Bandar Tun Razak) bagi membantu mengatasi permasalahan ini dengan mencari mana-mana tanah yang boleh diusahakan untuk menanam sayur-sayuran yang mudah tumbuh seperti timun atau bendi.


"Walau bagaimanapun, kita perlu juga melihat kepada pengurusan kerana perlu ada badan yang akan bertanggungjawab kerana kita tidak mahu apabila projek ini dilaksanakan kelak ia hanya 'hangat-hangat tahi ayam' sahaja," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Community Feeding Bandar di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Tun Razak di sini hari ini.

Dalam pada itu, Dr Wan Azizah yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak berkata di ibu negara, Program Community Feeding telah bermula sejak Disember 2022 dan masih diteruskan sehingga ke hari ini melibatkan seramai 56 kanak-kanak.

"PPR Desa Tun Razak telah dipilih sebagai lokasi bagi pelaksanaan program ini kerana ia merupakan satu daripada pusat kajian oleh pihak Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) pada 2018.

"Program intervensi ini merupakan satu program pemakanan yang menyasarkan kanak-kanak berusia satu hingga enam tahun daripada keluarga miskin bandar dengan menyediakan makanan tambahan (lima kali seminggu) sebagai jaminan kebolehdapatan makanan berkhasiat," katanya.

Dalam pada itu, Dr Wan Azizah berkata semua inisiatif yang telah dirancang dan dilaksanakan kerajaan perlu melibatkan ibu bapa, keluarga, komuniti, badan kerajaan dan badan bukan kerajaan supaya hasrat negara untuk meningkatkan kesejahteraan dan kesihatan kanak-kanak dapat dijayakan. - Bernama



281 kanak-kanak taska, tabika KEMAS dirai

© 2024-01-20T12:45:16+08:00



Soo (tiga kiri) ketika simbolik perasmian Majlis Apresiasi Tabika/Taska KEMAS P.212 Sibul sambil diperhatikan Ami (empat kiri) serta yang lain.

SIBU: Seramai 281 kanak-kanak taska dan tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) telah diraikan pada Majlis Apresiasi Tabika/Taska KEMAS P.212 Sibul 2023-2024 di Dewan Kompleks Baitulmal Sibul, hari ini.

Majlis tahunan itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Michael Tiang yang diwakili oleh Kapitan Soo Teck Kee.

Dalam ucapannya, beliau berkata majlis apresiasi ini penting bagi menggalakkan persaingan sihat kanak-kanak dalam bidang akademik dan juga kokurikulum.

Selain itu katanya, ia juga mendorong penglibatan aktif kanak-kanak dalam aktiviti kokurikulum di pelbagai peringkat dan menerapkan budaya kecemerlangan dalam pencapaian akademik, kokurikulum serta sahsiah diri kanak-kanak supaya lebih yakin dan berdaya saing.

"Pada hemat saya, majlis ini merupakan antara majlis yang dinanti-nantikan oleh anak-anak, guru-guru serta ibu bapa kerana dalam majlis inilah segala usaha yang telah dilakukan oleh guru dan kanak-kanak diiktiraf dalam bentuk penyampaian anugerah seumpama ini.

"Dalam majlis ini juga, kita sebagai ibu bapa berpeluang untuk melihat anak-anak menunjukkan bakat mereka dalam membuat persembahan pentas," ujarnya.

Hadir sama pada majlis ialah Pegawai KEMAS Bahagian Sibul Ami Fariza Mat Jusoh, Pegawai KEMAS Daerah Kanowit Siti Jauwiyah Ismail, Penyelaras KEMAS Parlimen P.212 Sibul Pembantu Pembangunan Masyarakat Kanan Pembangunan Desa Emalia Chani serta Penolong Pegawai Pendidikan Awal Kanak-Kanak P.212 Sibul Nor Hadiah Hat.

Dalam pada itu, Tiang juga merakamkan penghargaan kepada ibu bapa diatas galakan, didikan serta perhatian terhadap anak-anak sehingga mereka mampu memperolehi kecemerlangan dan berdaya saing dengan murid-murid lain.

"Semoga usaha ini dapat diteruskan bagi memastikan anak-anak terus mencapai kecemerlangan di masa akan datang.

"Oleh itu, saya amat berharap dan menyeru kepada ibu bapa serta orang ramai agar menghantar anak-anak ke tabika, tadika swasta atau pra sekolah bagi pendedahan awal pendidikan kepada mereka," jelasnya.

Sementara Ami dalam ucapannya berterima kasih kepada pendidik masyarakat tabika dan taska KEMAS yang berjaya memertabatkan profesion perguruan sehingga mampu melahirkan modal insan yang berkualiti baik dari segi akademik mahupun sahsiah.

"Segala kejayaan ini tidak akan diperolehi tanpa komitmen dan kesungguhan para pendidik dalam melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan dedikasi.

"Begitu juga dengan pemaju masyarakat sukarela yang sentiasa berkerjasama dengan guru tadika dalam setiap tugas," ujarnya.

Beliau juga berterima kasih kepada ibu bapa yang sentiasa memberi sokongan dan kepercayaan kepada KEMAS dengan menghantar anak-anak mereka untuk belajar di tabika dan taska KEMAS.



Lelaki direman tiga hari rakam video tidak sopan ketika persembahan artis wanita



Oleh MASZUREEN HADZMAN 20 Januari 2024, 6:50 pm

KUALA LUMPUR: Seorang lelaki ditahan reman tiga hari selepas disyaki mengambil video tidak sopan ketika persembahan artis wanita dalam acara di sebuah pusat beli-belah di Bukit Jalil, Cheras, dekat sini Jumaat lalu.

Penahanan suspek dibuat selepas polis menerima tiga laporan susulan kejadian berkenaan.

Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Zam Halim Jamaluddin berkata, dalam kejadian kira-kira pukul 9 malam itu, mangsa dimaklumkan oleh orang awam berhubung tindakan suspek yang dikatakan merakam video tidak sopan dari bawah pentas.

Kata beliau, suspek kemudian ditangkap rakan mangsa serta beberapa individu lain di dalam pasar raya di pusat beli-belah berkenaan selepas kejadian.

"Suspek yang merupakan lelaki tempatan berusia 33 tahun itu ditahan anggota Pencegahan Jenayah Balai Polis Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

"Suspek ditahan kira-kira pukul 11.15 malam untuk siasatan lanjut berhubung kejadian," katanya.

Menurutnya, kes disiasat di bawah Seksyen 509 Kanun Keseksaan dan Seksyen 14 Akta Kesalahan Kecil 1955.

Terdahulu, tular video memaparkan orang awam menangkap seorang lelaki yang dipercayai merakam secara tidak sopan ketika persembahan diadakan di sebuah pusat beli-belah. –

UTUSAN



Buruh ditahan rogol remaja 16 tahun, bapa tiri disyaki dalang

Bapa tiri mangsa berusia 32 tahun turut ditahan polis di rumah mangsa awal pagi tadi.

FMT Reporters - 20 Jan 2024, 7:00pm



*Seorang remaja perempuan berusia 16 tahun melaporkan kepada polis bahawa dirinya telah dirogol di rumahnya awal bulan ini.
(Gambar fail)*

PETALING JAYA: Polis menahan seorang buruh kerana disyaki merogol seorang pelajar perempuan Tingkatan 4 awal bulan ini.

Suspek lelaki warga tempatan berusia 18 tahun itu ditahan selepas polis menerima laporan daripada mangsa berhubung kejadian yang berlaku di rumah mangsa itu, lapor Sinar Harian.

“Mangsa memberitahu kakaknya (tentang kejadian) sebelum laporan polis dibuat di Balai Polis Chukai pada 1.20 pagi tadi.


“Sebaik menerima laporan, polis menahan suspek di tepi jalan kira-kira 1.30 pagi tadi,” kata Ketua Polis Kemaman Hanyan Ramlan.

Selain itu, kata Hanyan, pihaknya turut menahan bapa tiri mangsa yang dipercayai dalang kejadian tersebut.

Lelaki berusia 32 tahun itu ditahan kira-kira 2 pagi tadi di rumah mangsa.

Hanyan berkata, kedua-dua suspek akan dibawa ke Mahkamah Majistret Kemaman esok untuk mendapatkan perintah tahanan reman.

Mangsa telah dibawa ke Hospital Kemaman untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut.



TAJUK : LELAKI DICEKUP DISYAKI RAKAM VIDEO TAK SOPAN

HARI : AHAD

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

TARIKH : 21 JAN 2024

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Lelaki dicekup disyaki rakam video tak sopan

Kuala Lumpur: Seorang lelaki ditahan polis selepas disyaki merakam video 'upskirt' atau dari bawah skirt ketika satu acara di sebuah pasar raya di Bukit Jalil, di sini.

Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Zam Halim Jamaluddin, berkata polis menerima tiga laporan berhubung tindakan lelaki berusia 33 tahun itu yang membuat rakaman menggunakan telefon bimbitnya.

"Dalam kejadian kira-kira jam 9 malam kelmarin, pengadu yang juga seorang wanita tempatan dimaklumkan oleh orang awam suspek membuat rakaman video tidak sopan menggunakan telefon bimbit dari bawah pentas.

"Seterusnya rakan pengadu bersama orang awam berjaya mengesan dan menahan suspek dalam kawasan pasar raya itu

lalu menghubungi polis," katanya dalam kenyataan semalam.


Zam Halim berkata, bertindak atas laporan sepasukan anggota Pencegahan Jenayah Balai Polis Bukit Jalil ke lokasi dan menahan semula suspek jam 11.15 malam.

Ditahan reman 3 hari

Beliau berkata, suspek ditahan reman selama tiga hari bermula semalam bagi siasatan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan dan Seksyen 14 Akta Kesalahan Kecil 1955.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kejadian itu diminta menyalurkannya dengan menghubungi Hotline Polis Cheras di talian 03-92845050/5051 atau Hotline Polis Kuala Lumpur di talian 03-21159999 atau mana-mana balai polis berdekatan," katanya.



TAJUK : SESI KELUAR MAKAN BERTUKAR BERDARAH

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 21 JAN 2024

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Klang: Angkara perselisihan faham, seorang lelaki tergamak mengelar isterinya berulang kali sebelum mengelar dirinya sendiri.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisyoner Cha Hoong Fong berkata, pihaknya menerima laporan daripada orang awam memaklumkan kejadian seorang lelaki menikam dan menyerang seorang wanita pada jam 1.41 petang kelmarin.

Katanya, hasil siasatan mendapati bahawa mangsa dan suspek berusia 50 tahun adalah pasangan suami isteri warga tempatan.

"Kejadian berlaku sekitar jam 1 petang ketika suspek bersama mangsa berusia 49 tahun menaiki kereta dan dalam perjalanan ke kedai makan. Berlaku perselisihan faham antara mereka sebelum suspek menghentikan kereta di bahu jalan berhampiran Lebuhraya Shah Alam (Kesas).

"Suspek kemudian bertindak mengelar mangsa beberapa kali menggunakan pisau pemotong sebelum mangsa yang dalam ketakutan keluar dari kereta untuk meminta bantuan orang awam.

LELAKI CEDERAKAN DIRI SELEPAS KELAR ISTERI *Sesi keluar makan bertukar berdarah*



SEORANG lelaki ditemui tidak sedarkan diri dalam kereta dipercayai mengelar diri sendiri selepas mencederakan isterinya di bahu jalan berhampiran Lebuhraya Shah Alam (Kesas).

"Apabila sebuah kereta berhenti untuk memberikan bantuan, suspek terus melarikan diri dengan memandu kenderaannya," katanya, semalam.

Beliau berkata, bertindak atas maklumat, anggota kereta peronda Ibu Pejabat Polis (IPD) Klang Selatan kemudian mengesan dan menjumpai ke-

retanya suspek di parkir kondominium di Kota Bayu Emas, Bandar Bukit Tinggi di sini.

"Anggota polis mendapati suspek dalam keadaan

tidak sedarkan diri di dalam kereta berkenaan. Polis kemudian memecah cermin tingkap untuk membuka pintu kereta bagi menyelamatkan suspek

dengan bantuan pihak ambulans.


"Dalam kejadian ini, dia dipercayai mencederakan diri sendiri dengan mengalami beberapa luka keluar di bahagian badan termasuk leher, bahu, tangan, kaki dan belakang badan.

"Suspek dalam keadaan berlumuran darah dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut," katanya.

Mengulas lanjut, Cha berkata, kertas siasatan dibuka mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan iaitu atas kesalahan mendatangkan kecederaan menggunakan senjata.

Katanya, orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian ini diminta untuk menyalurkannya terus kepada IPD Klang Selatan di talian 03-33762222 atau mana-mana balai polis yang berhampiran.

"Pihak polis juga mendapati beberapa video berkaitan kejadian ini tular di media sosial justeru orang awam dinasihatkan supaya tidak menularkan video terbabit agar tidak mendatangkan kekusaran masyarakat setempat," katanya.



TAJUK :	MAN SLASHES WIFE THEN HURTS HIMSELF		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	NEW SUNDAY TIMES
TARIKH :	21 JAN 2024	M/SURAT :	09
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

DISAGREEMENT

MAN SLASHES WIFE THEN HURTS HIMSELF

Suspect found unconscious in car

NORZAMIRA CHE NOH
KLANG
am@hmetro.com.my

A MAN, 50, is believed to have slashed his wife, 49, several times with a knife in a car near here due to a disagreement before slashing himself on Friday.

The man was found unconscious in the car.

Klang Selatan district police chief Assistant Commissioner Cha Hoong Fong said police received a report from the public about a man stabbing a woman at 1.41pm.

Investigations found that the two were a married couple.

"About 1pm, the suspect and the victim got into a car to go to a restaurant. They had a disagreement.

"The suspect stopped the car

on a road shoulder in front of a condominium in Kota Bayu Emas.

"He slashed the victim several times with a knife before she escaped. The suspect fled when a car stopped to help the victim," Cha said on Friday.

He said a patrol car located the suspect's vehicle on Jalan Batu Nilam 34, Bandar Bukit Tinggi near here.

"Police found the suspect unconscious in the car and had to break the window to open the car door to save him, together with the help of paramedics.

"The suspect is believed to have harmed himself. There were cuts on his neck, shoulders, hands, legs and back.


"He was taken to Tengku Ampuan Rahimah Hospital."

Cha said police had opened investigation papers for voluntarily causing injury using a weapon.

He urged people who had information to contact the Klang Selatan police headquarters at 03-33762222 or any police station.

The suspect is seen unconscious in the driver's seat in Kota Bayu Emas near Klang on Friday. PIC COURTESY OF READER





TAJUK : 'EARLY CHILDHOOD EDUCATION CAN NURTURE LIFELONG LEARNING'

HARI : AHAD

AKHBAR : THE SUNDAY POST

TARIKH : 21 JAN 2024

M/SURAT : 09

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

'Early childhood education can nurture lifelong learning'

SIBU: A total of 281 pre-schoolers under Community Development Department (Kemas) in Sibul Division were brought to an appreciation event at the Baitulmal Hall of Sibul Islamic Complex here, yesterday.

The annual event was launched by community leader Kapitan Soo Teck Kee, who represented Deputy Minister II for Public Health, Housing and Local Government Datuk Michael Tiang.

In his text of speech, Tiang highlighted the significance of holding such appreciation ceremony to celebrate the

children's success in their early childhood education.

"This event is one of the events that the children, teachers and parents are looking forward to, where they have the opportunity to watch the children perform on stage, as well as witness the presentation of awards – as a fruitful result of all their hard work and efforts.

"Such recognitions, he added, would instil confidence and nurture lifelong learning among the young learners.

"Therefore, I strongly hope and call upon parents to send their young children to attend

pre-school," Tiang said.


Also present at the ceremony were Sibul District Kemas officer Ami Fariza Mat Jusoh, Kanowit District Kemas officer Siti Jauwyah Ismail, Sibul Parliamentary Kemas coordinator Emalia Chani and assistant Nor Hat Gift.

Ami Fariza, in her remarks, thanked the educators for their contributions to the quality early childhood education.

"All the success would not be achievable without the commitment and dedication of these educators, as well as the support from the parents," she added.



Soo (third left) performs the programme's launch gimmick, witnessed by Ami Fariza (fourth left) and others.



TAJUK : EMBRACE SPIRIT OF VOLUNTEERISM SAYS MADANI COMMUNITY CHIEF

HARI : AHAD

AKHBAR : THE SUNDAY POST

TARIKH : 21 JAN 2024

M/SURAT : 11

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Embrace spirit of volunteerism, says Madani Community chief

SIBU: The Durin Bazaar's Madani Community chairman Councillor Datuk Teo Boon Siew has called upon its committee members to stay committed in serving the people.

He said despite being in a volunteers group, the elected committee members should know that their primary duty was to help the people in their respective communities.

"There is a misconception that the members are being paid – this is not true because

we are volunteers," he said of the Madani Community – a multiracial volunteer organisation managed by the Information Department with units established across the country.

"Being a leader and dealing with public issues are never easy and most of the time, the efforts would go unappreciated," he said during the committee's New Year gathering at Kingwood Penthouse here, Friday night.

"As elected committee

members, you must remember that your job is to help the people.

"You may get complaints every day, especially when it is flooding now. Like the recent complaints of flooding at Pulau Dudong; efforts had been done but the problem crops up again," he said.

Nonetheless, he said despite these challenges, he advised the committee members to remain calm and to always listen to the people, as well as to help seek solutions to the issues.



TAJUK :	FAMILIES AFFECTED BY BINTULU STORM TO RECEIVE RM1,000 EACH		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	THE SUNDAY POST
TARIKH :	21 JAN 2024	M/SURAT :	04
STONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Families affected by Bintulu storm to receive RM1,000 each

BINTULU: Every family affected by the storm that struck on Thursday would receive financial aid of RM1,000, said federal Tourism, Arts and Culture Minister Datuk Seri Tiong King Sing.

According to him, the list of recipients is based on the

records from the Welfare Department, and the Bintulu Parliamentary Service Centre would facilitate the distribution of the aid.

Tiong, who is Bintulu MP, said this after chairing a meeting at Bintulu Resident's Office on Friday.

After the meeting, Tiong inspected the cleaning and repair works on the damaged roofs of Iris Garden Apartment.

Adding on, he said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim and Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi were looking


into providing the necessary assistance, especially from the National Disaster Management Agency.

Tiong also expressed his appreciation and gratitude to Deputy Premier Datuk Amar Douglas Uggah Embas, also chairman of the Sarawak

Disaster Management Committee, and Deputy State Secretary Datu Buckland Bangik, for their swift action in expediting the process to distribute the aid to all the affected victims.

"I also greatly appreciate the swift response from Economy

Minister Rafizi Ramli who understood the situation was unexpected, and thus, expedited the allocation approval to start the cleaning and repair works on the affected apartment's roofs and other affected houses, so all the victims can return home as soon as possible," he said.



TAJUK : INCREASE IN HPV DNA TESTING REFLECTS GROWING AWARENESS OF CERVICAL CANCER AMONG M'SIAN WOMEN

HARI : AHAD

TARIKH : 21 JAN 2024

AKHBAR : THE SUNDAY POST

M/SURAT : 01

SEKTOR : KPWKM

Increase in HPV DNA testing reflects growing awareness of cervical cancer among M'sian women

LABUAN: The increase in the number of women undergoing the human papillomavirus (HPV) test across the nation signals a heightened awareness among them regarding early detection and preventive measures of cervical cancer. Minister of Women, Family, and Community Development Datuk Seri Nancy Shukri said between 2019 and 2023, a total of 112,524 people underwent the HPV DNA tests, with Sarawak leading the figures at 23,744, followed by Sabah (12,778) and Kuala Lumpur (10,932).

"The data reveals a notable increase in women undergoing the test, underscoring the success of cervical cancer screening programmes nationwide. "We are witnessing more women stepping forward for early detection and preventive measures," she told reporters after launching the 'Labuan KASIH KPWKM: Gempur Saringan HPV DNA 2024' programme, run in conjunction with National Cervical Cancer Awareness Month, at Desa Tunas Hijau here yesterday. Nancy said the National Population and Family Development Board (LPPKN) had introduced the Women's Reproductive Cancer Awareness Campaign (WCaRe), aimed at

promoting early cancer screening programmes, including the Cervical Cancer Screening Programme (HPV/DNA Test) and the Mammogram Subsidy Programme. Nancy said the ministry was targeting 57,000 women to benefit from the WCaRe campaign this year. Operating 50 Nur Sejahtera Clinics nationwide, the LPPKN has three clinics in Sabah, with the clinic in Tawau scheduled to commence operations on Feb 1, she said. "In private hospitals, the cost of an HPV/DNA test ranges between RM300 and RM500," said Nancy.



Nancy (third right) looking at the products showcased at one of the booths set up for the programme at Desa Tunas Hijau in Labuan. — Bernama photo



TAJUK :	281 KANAK-KANAK TASKA, TABIKA KEMAS P.212 SIBU DIRAI PADA MAJLIS APRESIASI		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	21 JAN 2024	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

281 kanak-kanak taska, tabika KEMAS P.212 Sibu dirai pada majlis apresiasi

SIBU: Seramai 281 kanak-kanak taska dan tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) diraikan pada Majlis Apresiasi Tabika/Taska KEMAS P.212 Sibu 2023-2024 di Dewan Kompleks Baitulmal Sibu, semalam.

Majlis tahunan itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Michael Tiang yang diwakili oleh Kapitan Soo Teck Kee.

Dalam ucapannya, beliau berkata majlis apresiasi ini penting bagi menggalakkan persaingansihat kanak-kanak dalam bidang akademik dan juga kokurikulum.

Selain itu katanya, ia juga mendorong penglibatan aktif kanak-kanak dalam aktiviti kokurikulum di pelbagai peringkat dan menerapkan budaya kecemerlangan dalam pencapaian akademik, kokurikulum serta sahsiah diri kanak-kanak supaya lebih yakin dan berdayasaing.

“Pada hemat saya, majlis ini merupakan antara majlis yang dinanti-nantikan oleh anak-anak, guru-guru serta ibu bapa kerana pada majlis inilah segala usaha yang telah dilakukan oleh guru dan kanak-kanak diiktiraf dalam bentuk penyampaian anugerah seumpama ini.

“Pada majlis ini juga, kita sebagai ibu bapa berpeluang untuk melihat anak-anak



RASMI: Soo (tiga kiri) ketika simbolik perasmian Majlis Apresiasi Tabika/Taska KEMAS P.212 Sibu sambil diperhatikan Ami (empat kiri) serta yang lain.

menunjukkan bakat mereka dalam membuat persembahan pentas,” ujarnya.

Hadir sama, Pegawai KEMAS Bahagian Sibu Ami Fariza Mat Jusoh, Pegawai KEMAS Daerah Kanowit Siti Jauwyah Ismail, Penye-laras KEMAS Parlimen P.212 Sibu Pembantu Pembangunan Masyarakat Kanan Pembangunan Desa Emilia Chani serta Penolong Pegawai Pendidikan Awal Kanak-Kanak P.212 Sibu Nor Hadiah Hat.

Dalam pada itu, Tiang juga merakamkan penghargaan kepada ibu bapa atas galakan, didikan serta perhatian terhadap anak-anak sehingga mereka mampu memperoleh

kecemerlangan dan berdayasaing dengan murid-murid lain.

“Semoga usaha ini dapat diteruskan bagi memastikan anak-anak terus mencapai kecemerlangan di masa akan datang.

“Oleh itu, saya amat berharap dan menyeru kepada ibu bapa serta orang ramai agar menghantar anak-anak ke tabika, tadika swasta atau prasekolah bagi pendedahan awal pendidikan kepada mereka,” jelasnya.


Sementara itu, Ami dalam ucapannya berterima kasih kepada pendidik masyarakat tabika dan taska KEMAS yang berjaya memertabatkan profesion perguruan seh-

ingga mampu melahirkan modal insan yang berkualiti baik dari segi akademik mahupun sahsiah.

“Segala kejayaan ini tidak akan diperolehi tanpa komitmen dan kesungguhan para pendidik dalam melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan dedikasi.

“Begitu juga dengan pema-ju masyarakat sukarela yang sentiasa berkerjasama dengan guru tadika dalam setiap tugas,” ujarnya.

Beliau juga berterima kasih kepada ibu bapa yang sentiasa memberi sokongan dan kepercayaan kepada KEMAS dengan menghantar anak-anak mereka untuk belajar di tabika dan taska KEMAS.



TAJUK : PENINGKATAN WANITA JALANI UJIAN HPV SERLAH KESEDARAN TINGGI CEGAH KANSER SERVIKS

HARI : AHAD

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 21 JAN 2024

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Peningkatan wanita jalani ujian HPV serlah kesedaran tinggi cegah kanser serviks

LABUAN: Peningkatkan bilangan wanita menjalani ujian virus papiloma manusia (HPV) di seluruh negara menunjukkan kesedaran yang tinggi dalam kalangan golongan itu terhadap usaha mengesan dan mencegah kanser serviks.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri berkata sebanyak 112,524 orang wanita direkodkan menjalani ujian berkenaan pada 2019 hingga tahun lepas dengan 23,744 daripadanya di Sarawak, diikuti Sabah (12,778) dan Kuala Lumpur (10,932).

“Data berkenaan menunjukkan peningkatan ketara terhadap golongan wanita yang menjalankan ujian sekali gus melambangkan kejayaan program saringan kanser serviks di seluruh negara.

“Kita lihat lebih ramai wanita berani melangkah ke hadapan bagi melakukan pengesanan awal dan pence-



PELANCARAN: Nancy (tengah) beramah mesra bersama peserta pada pelancaran Program Kasih KPWKM Gempur Saringan HPV DNA sempena Bulan Kesedaran Kanser Serviks Kebangsaan 2024 di Desa Tunas Hijau, Labuan, semalam. — Gambar Bernama

gahan,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan program KASIH KPWK: Gempur Saringan HPV DNA 2024 Labuan sempena Bulan Kesedaran Kanser Serviks Kebangsaan di Desa Tunas Hijau di sini semalam.

Menurut Nancy, Lembaga Penduduk dan Pembangu-

nan Keluarga Negara (LPPKN) telah memperkenalkan Kempen Kesedaran Kanser Reproduksi Wanita (WCare) yang bermatlamat mempromosikan program pemeriksaan awal kanser termasuk Program Saringan Kanser Serviks (Ujian HPV DNA) dan saringan


kanser payudara melalui ujian mamogram yang ditawarkan secara percuma.

Beliau berkata menerusi WCare, pada tahun ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyasarkan sejumlah 57,000 wanita menerima manfaat daripada kempen itu.

LPPKN, katanya mengendalikannya 50 Klinik Nur Sejahtera di seluruh negara termasuk tiga di Sabah manakala klinik di Tawau dijangka beroperasi pada 1 Feb ini.

“Di hospital swasta, kos bagi sekali ujian HPV DNA ialah antara RM300 hingga RM500,” katanya.

Menurut Nancy, sempena pelancaran KASIH KPWKM Gempur Saringan HPV DNA 2024 Labuan itu, sebanyak 500 wanita di pulau bebas cukai berkenaan akan menerima manfaat daripada saringan kanser serviks percuma menerusi ujian HPV DNA. — Bernama



TAJUK : SETIAP KELUARGA TERJEJAS RIBUT DI BINTULU TERIMA RM1,000: TIONG

HARI : AHAD

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 21 JAN 2024

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Setiap keluarga terjejas ribut di Bintulu terima RM1,000: Tiong

Penerima bantuan ditentukan mengikut rekod terdapat pada JKM

Oleh Ambrose Rirang

BINTULU: Setiap keluarga yang terjejas akibat bencana ribut di bahagian ini petang Khamis akan menerima sumbangan sebanyak RM1,000, kata Menteri Pelancongan Seni dan Budaya Datuk Seri Tiong King Sing.

bagi meringkankan beban yang terpaksa ditanggung oleh semua mangsa terjejas," ujarnya.

Tiong berkata demikian sejujur mempengerusikan mesyuarat berhubung bencana yang melanda Bintulu di Pejabat Residen Bintulu, kelmarin.

Beliau berkata, melalui

“Bagi melancarkan urusan pengagihan bantuan, Pusat Khidmat Parlimen Bintulu akan mengendalikannya sekali gus melancarkan urusan pemberian sumbangan bagi meringkankan beban yang terpaksa ditanggung oleh semua mangsa terjejas.”

Datuk Seri Tiong King Sing
Menteri Pelancongan Seni dan Budaya

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bintulu berkata, setiap keluarga yang menerima bantuan itu nanti adalah mengikut rekod yang terdapat pada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi memudahkan urusan pemberian sumbangan.

“Bagi melancarkan urusan pengagihan bantuan, Pusat Khidmat Parlimen Bintulu akan mengendalikannya sekali gus melancarkan urusan pemberian sumbangan

sumbangan yang diberikan itu akan membolehkan ia dimanfaatkan oleh setiap keluarga terjejas membeli keperluan mendesak khususnya yang rosak akibat dilanda ribut kuat itu.

Sejujur selesai mesyuarat, beliau meluangkan masa meninjau kerja-kerja pembersihan dan pembaikan bumbung di Iris Garden Apartment yang mengalami kerosakan.

Pada masa sama, beliau



TURUN PADANG: Tiong sejujur tiba petang kelmarin di Iris Garden Apartment yang terjejas teruk akibat dilanda ribut pada Khamis.

berkata insiden itu telah dipanjangkan kepada Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi untuk mendapatkan bantuan-bantuan yang diperlukan khususnya daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Tiong turut menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada Timbalan Premier Sarawak yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) Datuk Amar Douglas Uggah Embas dan Timbalan Setiausaha Kerajaan

Sarawak Datuk Buckland Bangik atas tindakan pantas mempercepatkan proses bantuan kepada semua mangsa yang terlibat.

“Saya amat menghargai respons pantas Menteri Ekonomi Rafizi Ramli yang amat memahami bahawa keadaan ini yang merupakan sesuatu yang tidak diduga dan telah menyegerakan kelulusan peruntukan bagi memulakan proses pembersihan dan pembaikan bumbung apartment tersebut dan perumahan lain yang terjejas agar semua mangsa dapat pulang ke rumah masing-masing secepat mungkin,” jelasnya.